

PEMBELAJARAN DALAM BAHASA ARAB: KAEDAH MENGATASI KERISAUAN DALAM M KOMUNIKASI BAHASA KEDUA

HAMZAH BIN OMAR
SITI MURSYIDAH BINTI MOHD ZIN
MOHD ASRI BIN ISHAK
MOHD NORZI BIN NASIR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kaedah mengatasi kerisauan pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran subjek medium bahasa Arab. Pemilihan responden yang mewakili universiti masing-masing sebagai pendebat yang cemerlang adalah kerana para pendebat mempunyai kemampuan untuk memahami dan menggunakan bahasa Arab dengan baik. Akan tetapi, masih terdapat pelajar-pelajar yang tidak dapat belajar subjek medium bahasa Arab dengan baik kerana mengalami gangguan gaya afektif yang dikenali dengan “kerisauan”. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mengetahui kaedah mengatasi kerisauan pelajar yang cemerlang dalam memahami bahasa Arab dengan baik. Dapatan yang diperolehi mendapati bahawa, para pelajar yang cemerlang ini menggunakan pelbagai kaedah untuk mengatasi kerisauan mereka ketika mempelajari subjek medium bahasa kedua dengan menggunakan elemen metafizik, emosi dan jasmani. Hasil dapatan kajian ini membantu pelajar-pelajar yang kurang cemerlang mengatur strategi pembelajaran mereka.

Kata kunci: bahasa Arab, pertuturan, bahasa kedua, kerisauan

1.0 Latar belakang kajian

Manusia secara umumnya dianugerahkan elemen komunikasi yang terbahagi kepada empat iaitu pendengaran, percakapan, pembacaan dan penulisan. Setiap elemen komunikasi manusia adalah penting dalam kehidupan manusia. Kemahiran berkomunikasi digunakan dalam setiap aspek kehidupan manusia secara meluas dan memerlukan tahap penguasaan Bahasa yang tinggi untuk menyampaikan mesej yang tertentu (Mohd.Zaki,2009 ; Ab. Halim, 2009).

Perancangan yang rapi untuk tujuan meningkatkan kemahiran komunikasi seseorang turut dikenali sebagai perbezaan individu (PI) (Zamri, Mohamed Amin, & Nik Mohd Rahimi, 2010 ; Ellis, 1994). Setiap orang mempunyai perancangan mereka yang berbeza antara satu sama lain demi mencapai objektif pembelajaran mereka (Young, Doane, & Garrison, 2006).

Gaya afektif iaitu salah satu elemen PI adalah tindakan reflek psikologi terhadap pembelajaran secara psikologi (Ellis, 1994). Keberkesanan gaya afektif di dalam pembelajaran bahasa kedua telah dikaji oleh ramai pengkaji terutama pengkaji Barat yang telah mencipta beberapa teori keberkesanan pembelajaran bagi golongan muda dan orang dewasa (Oxford, 1990 ; Skehen,

1991 ; Ellis, 1994).

Akan tetapi, sebahagian pelajar mengalami gangguan dalam membentuk gaya afektif yang berkesan dalam pembelajaran mereka. Persediaan emosi yang kurang menyebabkan kegagalan berkomunikasi bahasa kedua terutama di hadapan di hadapan audien (Yahya & Muhammad Shahabudin, 2008). Ellis (1994) menyatakan “kerisauan” sebagai gaya afektif yang mudah untuk diketahui memandangkan para sarjana sering memperolehi dapatan yang berlainan dalam kajian gaya afektif ini disebabkan oleh sifat individualistik dan keadaan yang berubah-ubah bagi setiap pelajar ketika melalui proses pembelajaran bahasa kedua mereka (Ab. Halim, 2009; Sueraya et.al., 2010; Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin, & Zamri, 2009). Kerisauan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kerisauan tentang penerimaan audien terhadap mesej yang disampaikan, kerisauan untuk melakukan kesalahan bahasa ketika memberi idea dan kerisauan tentang penampilan mereka ketika melontarkan idea berkenaan sesuatu isu (Hamzah, 2015)

Oleh itu, kajian berkenaan kaedah mengatasi kerisauan pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran bahasa kedua amat perlu untuk memberi kefahaman berkenaan strategi yang digunakan mereka dalam membentuk gaya afektif yang berkesan dalam pembelajaran. Kajian ini akan mengkaji kaedah mengatasi kerisauan pelajar cemerlang bahasa kedua dari sudut metafizik, emosi dan fizikal mereka.

Kajian ini memberi fokus kepada pelajar yang menjadi wakil universiti dalam pertandingan debat bahasa Arab antara universiti tempatan. cemerlang dalam komunikasi dari dua buah universiti tempatan yang berlainan. Responden dipilih kerana mereka telah membuktikan kemahiran komunikasi mereka dengan penyertaan mereka dalam pertandingan debat. Seperti yang sedia maklum, pertandingan debat adalah pertandingan yang memerlukan kecekapan pendebat dalam pendengaran dan pertuturan untuk memberi hujah dan mematahkan idea pihak lawan.

Kaedah temubual berfokus telah digunakan dengan penglibatan lapan orang responden. Setiap empat responden dikumpulkan dalam satu masa dan mereka mewakili sebuah univervisiti. Proses temubual separa terbuka dijalankan dengan bantuan dua orang pembantu. Kemudian, pengkaji melakukan analisis untuk mencapai objektif yang telah digariskan melalui data yang telah ditranskripikan oleh pembantu kajian.

Hasil dan dapatan kajian ini telah disemak oleh pakar kemudian pengkaji telah menyusun dapatan supaya ia lebih mudah difahami.

2.0 Hasil dan dapatan.

Hasil dan dapatan dari kajian ini terdiri dari tiga bahagian dan setiap bahagian pula terdiri dari kategori masing-masing. Berikut adalah bahagian bagi kajian ini iaitu:

- 1) Bahagian metafizik
- 2) Bahagian emosi
- 3) Bahagian fizikal

2.1 Bahagian metafizik

Beberapa kategori telah diletakkan dibawah bahagian ini. Setiap kategori ini adalah hasil dari temubual yang dijalankan oleh pengkaji.

2.1.1 Bacaan Al-Quran dan selawat

Pelajar yakin bacaan Al-Quran dan selawat ke atas Rasulullah S.A.W boleh mengurangkan tekanan emosi yang dihadapi ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab.

“ *hehehe...* yang pertama, tarik nafas dulu kan?... Tarik nafas.. *a..* tenang... Yang pertama, **kalimah Allah** *tu* jangan ditinggal kan...
Astagfirullah al-azim...” (U2/D1/P114).

“...*um...* kalau saya... sama juga lah... *Hahaha...* Kalau gelabah sangat kan... **nervous** sangat **nak** mengatasi benda tu saya selawat... baca **Al-Inširah...**” (U2/D3/P120).

“...lepas itu, **selawat..** lepas itu, baca (surah) **Alam Našrah...**” (U2/D2/P118)

2.1.2. Doa

Berdoa juga dapat membina keyakinan diri pelajar ketika bertutur dan seterusnya memberi inspirasi kemenangan kepada mereka khususnya ketika di dalam pertandingan debat.

“...caralah, **nak** mengatasinya ialah...kita banyakkan **doa** lah juga kan...so, bila kita banyak berdoa, Inša-Allah, Allah buka pintu hati kita...buka minda kita...lepas *tu...*peluang kemenangan tu cerah dan peluang keyakinan diri *tu...*Inša-Allah pasti...” (U1/D4/P052).

Doa dan bacaan Al-Quran adalah di dalam bahasa Arab. Oleh itu, kedua-dua medium ini dapat membantu pelajar yang bertutur bahasa Arab dalam bahasa kedua meningkatkan kefahaman dan membantu mereka mengingat beberapa kalimat dalam bahasa Arab di samping membina keyakinan yang kuat dengan bantuan dari Allah.

2.2 Bahagian emosi

Bahagian emosi adalah melibatkan keadaan mental dan fikiran pelajar ketika bertutur dalam bahasa kedua. Bahagian mempunyai beberapa kategori dan setiap kategori menerangkan kaedah yang digunakan oleh para pelajar untuk mengatasi kerisauan ketika berkomunikasi dalam bahasa kedua.

2.2.1. Fikiran yang tenang

Pelajar yakin fikiran yang tenang boleh mengatasi masalah emosi melampau yang dihadapi ketika bertutur dalam bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan pernyataan dari salah seorang responden:

“...Jadi yang paling penting dalam berdebat *ni*...kita **tenangkan aa...fikiran**...dan kita dapat persembahkan yang terbaik...dan Inša-Allah...idea-idea yang *tak* terjangkau akan datang...Tapi kalau kita macam, serabut, takut, terlalu seronok, jadi semua benda akan jadi bercelaru...Okay...”
(U1/D4/P042)

Menurut pelajar, fikiran yang tenang dapat menjana idea yang bernas. Fikiran yang serabut pula lahir dari sifat negatif seperti serabut, takut dan kadang-kala dari sifat positif iaitu terlalu seronok.

2.2.2 Positif dalam berfikir

Pemikiran positif boleh lahir dalam pelbagai kaedah. Pemikiran positif ini adalah penting terutama ketika di dalam pertandingan yang melibatkan pertuturan. Kaedah ini boleh dibahagikan kepada dua topik:

2.2.2.1 Setiap orang dalam kehebatan yang sama

Pelajar cuba untuk mengelak dari memikirkan kehebatan lawan dan menganggap setiap orang mempunyai kehebatan yang setara. Mereka juga berpendapat, pemikiran sebegini dapat melahirkan fikiran yang positif dan menjadi hebat seperti lawan mereka.

“...Lepas *tu*...kena **fikir positif** lah... *ala*... memang kalau kita jumpa pihak lawan... UAI pun, cuba... cuba kita terbalik kan... *Ala.. UAI je.. an.. macam tu ... hehehe..* macam kita...kita fikir “ **asal UAI boleh kenapa kita *tak* boleh kan?**”... *Pastu* kita positif kan diri *tu*... Walaupun sebenarnya macam susah kan... cuba *neutral* kan diri *tu*... macam *tu* lah... *pastu... Insya- Allah... Okay* semua...”(U2/D2/P118)

2.2.2.2 Yakin bahawa takut memberi kemenangan kepada pihak lawan.

Keyakinan ini adalah penting kerana ketakutan kepada pihak lawan akan memberi kelebihan kepada mereka.

“...Kadang-kadang kita rasa macam, “ya Allah, orang tu hebatnya...pernah menyandang pendebat terbaik,”...tapi *tak* mustahil...kita pun boleh jadi hebat macam dia.... Jadi,kita *tak* boleh rasa...seperti yang Romli pernah cakap *kat* saya, “kalau kita **takut** dengan orang *tu* ...**50 peratus kemenangan** berada di

pihak dia...” (U1/D4/P042).

Emosi yang tenang dan keyakinan yang padu terhadap diri sendiri memberi kelebihan kepada pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Ini dapat dilihat apabila unsur ketenangan dan keyakinan menjadi kekuatan kepada pelajar terutama pendebat ketika berkomunikasi dalam bahasa kedua. Emosi pelajar yang tenang mewujudkan hasil yang baik dan berkesan.

2.3. Bahagian fizikal

Bahagian ini adalah melibatkan jasmani penutur ketika bertutur dalam bahasa kedua. Jasmani yang baik dan sihat menjamin keberkesanan dalam komunikasi. Kesihatan jasmani boleh diperolehi dari keadaan berikut:

2.3.1. Rehat yang secukupnya

Rehat secukupnya penting untuk mengatasi kerisauan dalam komunikasi. Perkara ini diberitahu oleh pelajar apabila disoal kaedah mereka mengatasi masalah emosi ketika berkomunikasi dalam bahasa kedua:

“**Rehat...**”(U2/D4/P124)

Kesihatan yang tidak baik akan menjejaskan komunikasi terutama bahasa kedua.

“...Dan yang kedua...lepas kita *dah* bincang, bincang, bincang semua tu, kita perlu mendapatkan **rehat** yang secukupnya... Kalau rehat yang *tak* secukupnya... (**menganggu**) **faktor kesihatan** ..*aa*..memainkan peranan yang penting *ye*...” (U1/D4/P052)

Rehat dan kesihatan yang baik adalah unsur positif yang perlu ada dalam diri pelajar yang berkomunikasi dalam bahasa kedua. Kedua-dua unsur ini saling berkaitan antara satu sama lain iaitu rehat yang cukup melahirkan jasmani yang sihat. Jasmani yang sihat membantu dalam proses pertuturan yang berkesan.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga elemen berikut, dapat disimpulkan kerisauan dalam pertuturan bahasa kedua dapat diatasi oleh pelajar menggunakan kaedah yang tepat dan berkesan.

3.0 Kesimpulan

Cara mengatasi masalah kerisauan dalam komunikasi bahasa kedua adalah pelbagai dan ia boleh dirumuskan kepada tiga iaitu metafizik, emosi dan fizikal. Ketiga-tiga elemen ini adalah penting dalam pembentukan insan kamil.

Sebagai Muslim, elemen metafizik adalah penting kerana pertalian yang erat dengan Allah memberi keyakinan dan kesungguhan kepada pelajar untuk menguasai komunikasi bahasa kedua. Elemen ini menjadi nadi dalam pembentukan kompetensi pelajar dalam komunikasi.

Elemen emosi dan fizikal pula adalah elemen yang berkaitan dengan diri seorang pelajar. Kedua-dua elemen ini dapat dibentuk oleh pelajar itu sendiri dengan keyakinan sendiri yang baik dan rehat yang mencukupi.

Kerisauan dalam pertuturan bahasa kedua boleh diatasi oleh pelajar jika mereka mengamalkan kebergantungan kepada Allah dan terus yakin dengan kemampuan diri sendiri tanpa melihat kelebihan yang ada pada orang lain.

Kaedah mengatasi kerisauan dalam komunikasi bahasa kedua ini boleh dilakukan oleh pelajar tanpa ada had masa, tempat dan keadaan yang tertentu.

RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education, 1-14.
- D.Krashen, S., A.Long, M., & Scarcella, R. C. (1979). *Age, Rate and Eventual Attainment in Second Language Acquisition*. TESOL Quarterly, 573-582.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Hamzah Omar (2015) Pengaruh Perbezaan Individu (PI) dalam Penguasaan Bahasa Arab Pendebat Universiti Awam (UA). Tesis. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Kamarul Shukri Bin Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kazu, I. Y. (2009). *The Effect of Learning Styles on Education and the Teaching Process*. Journal of Social Sciences 5 , 85-94.
- L. Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies : What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury house Publishers.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2005). *Kompenan Linguistik dalam Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Ijazah Tinggi*. In H. B. Dahan, Z. Ismail, & M. A. Zailani, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab (pp. 131-136). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- O'Melly, J., Chamot, A. U., Manzanares, G. S., P.Russo, R., & Kupper, L. (1985). *Learning Strategy Application with Student of English as a Second Language*. TESOL Quarterly, 557-584.
- Othman, B. M., & Normalina, B. M. (2010). *Profil Gaya Didikan Ibu Bapa Cemerlang Berbanding Pelajar Lemah*. Universiti Teknologi Malaysia (Unpublished), 1-9.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Paradis, J. (2011). *Individual Differences in Child English Second Language Acquisition: Comparing Child-Internal and Child-External Factors*. Linguistic Approaches to Bilingualism, 213-237.
- Richard, J.C., Schmidt, R. Translation: Tu' aymah R.A., Hiğ azi A.F. (2007). *Mu' jam Longġ man Li- Ta' lim Al- Luġaāt wa ' Ilmu Al- Taṭ biqi*. Lubnan: Maktabah Lubnan Naširun.
- Rosni, S., Mohd Fauzi, A. H., Shaferul, H. S., & Amizan, H. M. (2013 vol: 13). *Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat*. GEMA Online® Journal of Language Studies, 99-116.
- Rubin, J. (1975). *What the "Good Language Learners" Teach Us*. Teacher of English to Speaker of Other Languages, 42.
- Ruhizan, M. Y., Mohd Jasmy, A. R., Norlena, S., & Rosadah, A. M. (2001). *Proses Kognitif Pelajar Cemerlang dan Tidak Cemerlang*. Jurnal Pendidikan (27), 27-34.
- Scarella, R. C., & Oxford, R. L. (1992). *The Tapestry of Language Learning : the Individual in the Communicative Classroom*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.
- Skehen, P. (1991). Individual Differences in Second Language Learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 275-298.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, & Ismaiel Hassanein, A. M. (2010). *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM)*. Contemporary Issues In Education Research, 9-20.
- Yahya Bin Buntat, & Muhammad Shahabudin Bin Hassan. (2008). *Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa*, Universiti Teknologi Malaysia. - unpublished-, 1-10.
- Young, W. S., Doane, S. M., & Garrison, T. (2006). *The Impact of Individual Differences and Learning Context on Strategic Skill Acquisition and Transfer*. Learning and Individual

Differences (16), 13–30.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang : Inventori Strategi-Belajar-Cara-Belajar-Bahasa*. Bandar Baru Bangi: Fakulti Pendidikan.